



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harian Metro
Date	3 October 2015

Tingkat hubungan Malaysia, Itali

Metro - 3/10/2015

Milan: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tiba di sini, Jumaat untuk mengadakan lawatan kerja tiga hari bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala Malaysia dan Itali.

Ketibaan beliau dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor di Lapangan Terbang Linate, di sini pada jam 8.30 pagi waktu tempatan (jam 2.30 petang waktu Malaysia) disambut Duta Besar Malaysia ke Itali Datuk Abdul Samad Othman.

Sebelum ini, Najib berada di New York, Amerika Syarikat untuk menghadiri Sesi Ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Turut mengiringi perdana menteri dalam lawatan ini, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Pelancongan dan

Kebudayaan Datuk Seri Nazri Abdul Aziz.

Tahun lalu, Perdana Menteri Itali Matteo Renzi mengutuskan jemputan rasmi kepada Najib untuk menghadiri Expo Milano 2015, yang juga ekspo terbesar dunia yang diadakan empat tahun sekali secara giliran.

Malaysia antara 147 negara yang menyertai ekspo enam bulan itu, bermula 1 Mei hingga 30 Oktober ini.

Pada pagi Sabtu (waktu tempatan), Najib dijadual menghadiri resepsi Hari Malaysia di Expo Milano 2015 dianjurkan penganjur ekspo berkenaan.

Beliau kemudian dijadual melawat Pavilion Itali di ekspo itu.

Pada sebelah malam, perdana menteri akan melancarkan Festival Makanan Malaysia di Pavilion Malaysia pada ekspo itu.